

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' SERI TIONG KING SING
KAWASAN : BINTULU
TARIKH : 9 MAC 2017, KHAMIS

SOALAN:

YB. DATO' SERI TIONG KING SING minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) adakah kementerian mempunyai perancangan untuk melebarkan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) ke sekurang-kurangnya 3 lorong setiap arah sepanjang lebuhraya tersebut memandangkan bilangan kenderaan yang begitu padat bagi memastikan kelancaran aliran trafik dan keselamatan serta keselesaan pengguna lebuhraya tersebut; dan
- (b) bilakah perancangan tersebut akan dilaksanakan dan apakah kos perbelanjaan yang dijangka sekiranya terdapat perancangan tersebut.

JAWAPAN (a) & (b):

Tuan Yang Di-Pertua;

Kerajaan sememangnya mengambil maklum mengenai isu kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), terutama pada waktu puncak, cuti hari minggu, cuti persekolahan dan juga pada musim perayaan

utama. Keadaan ini disebabkan oleh faktor berlaku pergerakan trafik yang tinggi dalam tempoh masa yang serentak. Namun begitu secara umumnya Lebuh Raya Utara Selatan setakat ini masih lagi mampu untuk menampung kapasiti aliran trafik harian semasa walaupun diakui terdapat peningkatan terhadap jumlah kenderaan baru yang berdaftar pada setiap tahun.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan pada masa kini tiada perancangan untuk menaik taraf atau menambah lorong laluan yang baru di sepanjang Lebuh Raya Utara Selatan. Kerja-kerja tambahan itu tidak termasuk obligasi skop perjanjian konsesi Lebuh Raya Utara Selatan antara Kerajaan dan PLUS Malaysia Berhad. Oleh itu sebarang projek menaik taraf Lebuh Raya Utara Selatan perlu dimuktamadkan melalui perjanjian konsesi tambahan. Pertimbangan Kerajaan untuk meluluskan sebarang cadangan kerja-kerja tambahan PLUS dibuat dengan mengambil kira faktor keutamaan dan juga kemampuan kewangan Kerajaan secara keseluruhan.

Setakat ini Kerajaan telah meluluskan 2 projek utama bagi menaik taraf Lebuh Raya Utara Selatan dengan nilai keseluruhan projek terlibat ialah hampir RM2.5 bilion. Ini merujuk kepada kerja-kerja pembinaan lorong ketiga dari Seremban ke Ayer Keroh dan Rawang ke Tanjong Malim yang disiapkan pada tahun 2011 dengan kos sebanyak RM1.04 bilion. Manakala satu lagi projek naik taraf utama Lebuh Raya Utara Selatan ialah membina lorong keempat PLUS di sekitar Lembah Klang dengan jarak keseluruhan 63km yang telah disiapkan pada bulan September 2015 yang lalu dengan kos keseluruhan sebanyak RM1.44 bilion.

Walau bagaimanapun bagi mengurangkan masalah kesesakan di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS), Kerajaan telah meluluskan projek pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) di bahagian koridor utara, iaitu melibatkan jajaran dari Taiping ke Banting sepanjang 316km. Projek ini telah dimulakan pada tahun lalu dan dirancang akan siap sepenuhnya pada akhir tahun 2020. Dalam masa yang sama Kerajaan juga sedang menimbangkan untuk memanjangkan pembinaan Lebuhraya Pantai Barat (WCE) itu ke bahagian koridor selatan pula, iaitu sambungan dari Banting, Selangor ke Gelang Patah, Johor. Pada masa kini Kajian Awalan dan penentuan jajaran projek tersebut sedang dilaksanakan oleh kementerian ini dan akan dibentangkan kepada Jemaah Menteri untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian. Terima kasih.